

# UMS–YFR bangun penyelidikan ladang sawit

UB 05.10.2023 P.06

Susulan kerjasama dimeterai kedua-dua pihak sewaktu lawatan Menteri Pengajian Tinggi pada Jun lepas

**KENINGAU:** Pusat Pengurusan EcoFarm (EcoFarm), Universiti Malaysia Sabah (UMS) membangunkan bidang penyelidikan dan pembelajaran berkaitan perladangan kelapa sawit bersepadu di Keningau.

Majlis pelancaran kerjasama antara UMS dan Yun Fook Resources (YFR) berlangsung di Pusat Penyelidikan Makanan ternakan (PPMT) Kampung Apin-Apin Keningau, yang juga dikenali sebagai AFEEDRI.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Kasim Hj. Mansor, berkata pelancaran itu merupakan kesinambungan daripada kerjasama dimeterai kedua-dua pihak sewaktu lawatan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin ke UMS pada bulan Jun yang lalu.

Katanya, pelancaran itu merupakan titik permulaan kepada kerja-kerja di lapangan bagi projek berkenaan.

Beliau berkata kawasan perladangan kelapa sawit bersepadu telah dibersihkan dan akan ditanam dengan pokok kelapa sawit, sesuai dengan penyelidikan dipersejuti.

“Tanaman lain yang disepadukan dengan kelapa sawit termasuk durian, nangka dan avokad serta tanaman jangka pendek seperti tembikai bagi menambah nilai ekonomi ladang berkenaan,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Profesor Ir. Dr. Rosalim



**KERJASAMA:** Kasim menyerahkan stili pelancaran projek kerjasama kepada Yap.

Sarbatly menjelaskan pelbagai perkara termasuk kesesuaian tanaman dengan keadaan cerun dan nutrien tanah, sumber air dan saliran telah dipertimbangkan oleh penyelidik UMS.

Katanya, bekalan air disalurkan menggunakan teknik fertisasi pintar ke kawasan yang agak kering untuk membolehkan tanaman berkenaan tumbuh dan mengeluarkan hasil menepati keperluan industri.

“Ini sesuai hasrat kerajaan negeri melalui Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya yang menekankan penggunaan teknologi dalam memantapkan industri pertanian,” katanya.

Pengarah EcoFarm, Ts. Dr. Januarius Gobikil turut menjelaskan bahawa projek penanaman kelapa sawit bersepadu seluas 33 ekar itu dijangka selesai pada Oktober tahun ini.

“Penyelidikan dan pembelajaran yang berkaitan akan dijalankan selari dengan kemajuan projek itu,” katanya.

Selain projek perladangan kelapa sawit bersepadu, projek lain di tanah UMS, Kg. Apin-Apin adalah perladangan kelapa (pandan dan tacunan) bersepadu yang dijalankan oleh UMS bersama Malaysian Kuwait Investment Corp. Sdn. Bhd. (MKIC).

Kerja pembukaan tanah

bagi projek MKIC sudah bermula dan pelancaran dijangka akan dilaksanakan pada penghujung Oktober.

Ecofarm UMS juga sedang dalam usaha memajukan kawasan tanah UMS di Mesilou, Kundasang sebagai Pusat Penyelidikan dan Pembelajaran Pertanian Tanah Tinggi.

Turut hadir pada pelancaran itu Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Madya. Dr. Ramzan Noordin; Pendaftar UMS, Luqman Ridha Anwar, Pengarah Pusat Penyelidikan UMS, Prof. Dr. Jumat Sulaiman serta Dekan Fakulti Pertanian Lestari, Profesor Madya Dr. Azwan Awang.



**RASMI:** Kasim menanam pokok durian sebagai simbolik pelancaran projek.



**BERMANFAT:** Lawatan sekitar tapak projek yang dibangunkan untuk perladangan kelapa sawit.